

11/06/1999

Pemimpin DAP hanya tahu bercakap: Ling

KUALA LUMPUR, Khamis - Pemimpin DAP hanya tahu bercakap tetapi tidak tahu melaksanakannya atau boleh diringkaskan sebagai 'Nato' (No Action Talk Only), kata Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Menurutnya, DAP hanya ghairah ketika hampir pilihan raya sebaliknya MCA melaksanakan sesuatu program untuk kepentingan rakyat setiap masa.

"Selain Nato, DAP ada beberapa nama lain seperti CCND atau Consistently Critical and Destructive (mengkritik berulang-ulang dan memusnahkan) serta Father and Son Sdn Bhd (Ayah dan Anak Sdn Bhd).

"MCA pula melaksanakan program secara tetap, termasuk selepas pilihan raya pada 1995," katanya selepas menyampaikan bantuan pendidikan bagi anak-anak mangsa Japanese Encephalitis (JE) di sini, hari ini.

Dr Ling diminta mengulas mengenai keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno Isnin lalu yang memberi tanggungjawab kepada MCA untuk melawan hujah DAP.

Perdana Menteri yang juga Presiden Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat MT berkata, Umno akan memikul tugas menangani segala dakwah Pas dan menyusun strategi melawan parti itu, manakala MCA dan Gerakan diberi tanggungjawab menghadapi DAP dalam pilihan raya umum akan datang.

Mengenai pemilihan pucuk pimpinan MCA dalam mesyuarat agungnya pada 17 Julai ini, Dr Ling menegaskan sekali lagi kepemimpinan sekarang adalah pasukan yang terbaik bagi MCA.

"Tidak ada banyak pertandingan bagi jawatan termasuk di peringkat negeri kerana pasukan kepemimpinan sekarang sudah kuat untuk menghadapi pilihan raya akan datang," katanya.

"Saya bukan bermaksud mengekalkan status quo kerana terpulang kepada ahli untuk mencalonkan sesiapa, cuma saya katakan pasukan sekarang boleh bekerjasama dengan baik," katanya.

Sementara itu, Lim mengesahkan beliau akan terus mempertahankan jawatan timbalan presiden, walaupun ada khabar angin menyatakan beliau akan mengundur diri.

"Kedudukan kepemimpinan sekarang sebagai satu pasukan akan membolehkan parti mempunyai cukup kekuatan untuk menghadapi pilihan raya yang akan datang.

"Lim Ah Lek tidak penting .... MCA lebih penting. Seperti saya juga, semua pemimpin termasuk ahli di peringkat akar umbi sepatutnya memberikan sokongan padu kepada presiden," katanya.

(END)